

Pantau pembakaran terbuka

JAS Selangor buat rondaan kawasan risiko penyumbang jerebu

SHAH ALAM

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor menggerakkan pasukannya sejak beberapa hari lepas bagi memantau aktiviti pembakaran terbuka sebagai usaha mengelakkan jerebu bertambah buruk sehingga meningkatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di negeri itu. Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Shafee Yasin berkata langkah itu juga dibuat di lokasi yang kerap berlakunya kebakaran hutan dan tanah gambut di seluruh negeri berkenaan.

"Semalam (kelmarin), JAS Selangor membuat

rondaan di kawasan tumpuan (berisiko berlakunya pembakaran terbuka) termasuk di Johan Setia, Klang dan kawasan sekitarnya.

"Bagaimanapun, sekitar jam 5.40 petang semalam, kita dapati kawasan di sekitar Johan Setia secara keseluruhannya memang kelihatan berjerebu namun tiada lokasi khusus yang dilihat terbakar atau berasap," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, antara kawasan dilanda jerebu di sekitar Johan Setia ialah Jalan Kebun, Bandar Putera 2, Jalan Tengah 2 Jalan Johan Setia 1 dan Jalan Telekom.

Jelas beliau, siasatan pihak JAS negeri menunjukkan punca jerebu di kawasan berkenaan disyaki akibat jerebu rentas sempadan dari Sumatera, Indonesia.

"Tiada aktiviti pembakaran terbuka yang dike-

san di negeri ini hingga mendorong kepada keadaan berjerebu di seluruh Selangor setakat ini," katanya.

Shafee turut meminta kerjasama masyarakat agar tidak melakukan pembakaran terbuka selain membantu JAS Selangor mengesan mereka yang dilihat sengaja melakukan aktiviti tersebut.

Sementara itu, juru-kaip Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor memberitahu, pihaknya tidak menerima sebarang laporan berkaitan kebakaran kawasan pertanian yang menyumbang kepada keadaan berjerebu di negeri ini.

"Setakat ini, tiada kebakaran berskala besar di negeri ini yang menyumbang kepada berlakunya jerebu. Namun, keadaan jerebu yang berlaku termasuk di Johan Setia berpunca dari jerebu rentas sempadan," katanya. - *Bernama*



Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor kelihatan kabur ekoran jerebu ketika tinjauan di sekitar Bandar Shah Alam semalam.